



**PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**



**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA**

1. Tawaran Sebut Harga adalah dipelawa kepada syarikat / pembekal yang sah berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah Kod Bidang seperti berikut:

BIL.	NO. SEBUTHARGA	BUTIR-BUTIR PERKHIDMATAN	KOD BIDANG PENDAFTARAN	TARIKH & TEMPAT TAKLIMAT / LAWATAN TAPAK
1	MDA/SH/01/2018	SEBUT HARGA PERKHIDMATAN PERPINDAHAN PEJABAT YANG MELIBATKAN KERJA-KERJA PERGERAKAN DAN PENGALIHAN ASET DARI MENARA PRISMA, PUTRAJAYA KE BANGUNAN PRIMA 9, CYBERJAYA	221704 atau 221705 atau 221707  (wajib berdaftar dalam kod bidang di atas untuk menyertai sebut harga)	<b>DIWAJIBKAN HADIR</b>  Tarikh : 15 Januari 2018 (Isnin)  Masa : 10.30 pagi  Tempat : Taklimat Aras 5, Menara Prisma, Jalan Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya  Lawatan Tapak Aras Bawah, Bangunan Prima 9, Persiaran APEC, Prima Avenue II, 63000 Cyberjaya

2. Dokumen Sebut Harga boleh diperolehi pada waktu pejabat dari **9.00 pagi hingga 4.00 petang** mulai **15 Januari 2018 (Isnin)** sehingga **22 Januari 2018 (Isnin)** di Pihak Berkuasa Peranti Perubatan, Aras 5, Menara Prisma, Jalan Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya.
3. Syarikat yang ingin menyertai tawaran sebut harga hendaklah menunjukkan **SIJIL ASAL PENDAFTARAN KEMENTERIAN KEWANGAN** dalam kod bidang seperti di atas dan **SIJIL TARAF BUMIPUTERA** (jika bertaraf bumiputera) yang dikeluarkan oleh KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA dan menyerahkan satu Salinan (fotostat) sijil-sijil berkenaan semasa mendapatkan Dokumen Sebut Harga tersebut.
4. Syarikat yang ingin menyertai tawaran sebut harga ini **WAJIB menghadiri taklimat** pada tarikh, masa dan tempat seperti yang dinyatakan dalam jadual di atas. Syarikat yang **tidak hadir atau lewat ke sesi taklimat tidak akan dibenarkan menyertai sebut harga ini**.
5. Dokumen Sebut Harga yang lengkap hendaklah dihantar secara **MANUAL** seperti Arahan Dalam Dokumen Sebut Harga dan dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dengan mencatatkan Tajuk dan No. Sebut Harga dan dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga (A)** yang ditetapkan di pejabat Pihak Berkuasa Peranti Perubatan, Aras 5, Menara Prisma, Jalan Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya. Syarikat hendaklah mengemukakan sebut harga **sebelum atau jam 12.00 tengah hari pada tarikh tutup tender** iaitu pada **29 Januari 2018 (Isnin)**. Tawaran Sebut Harga yang lewat **diterima tidak akan dipertimbangkan**.
6. Pelaksanaan perolehan sebut harga ini hanya dijalankan secara **MANUAL** sahaja dan **TIDAK** melibatkan ePerolehan. Pihak Berkuasa tidak terikat menerima Sebut Harga yang terdedah atau mana-mana tawaran atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu Tawaran Sebut Harga.